

|            |               |         |         |
|------------|---------------|---------|---------|
| TARIKH     | 27 / 5 / 2013 | SEKSYEN | wilayah |
| MUKA SURAT | N8            | RUANGAN |         |



**“**  
Walaupun program itu julung kali diadakan, ia berjaya menarik minat ramai murid untuk menyertainya dan turut mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa”

Md Tahir Hassan,  
Guru Besar SK Islah



Ketua Panitia Pendidikan Islam, Mohd Shaiful Irwan Yusoff (kanan) dibantu guru KAFA, Mohd Faizal (tengah, duduk) Suhaimi menunjukkan cara memakai pakaian ihram terhadap Muhammad Razi Fakhruallah Mohd Rozeha sempena Karnival Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selama seminggu di sekolah berkenaan.

[ FOTO ZAMAN HURI ISA / BH ]

## 40 murid SK Islah didedah ilmu ibadah haji

» Simulasi tawaf, saie diadakan pada program Kem Bestari Solat

Oleh Mohd Zulfaizan Mansor  
bhkb@mediaprime.com.my

► Kota Bharu

Seramai 40 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Islah mendapat pendedahan mengenai ibadah haji selepas menyertai simulasi menunaikan haji mene-

rusi program Kem Bestari Solat di sekolah berkenaan.

Program sempena Karnival Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) itu membolehkan pelajar mendalami cara menunaikan ibadah haji sebenarnya dengan lengkap berpakaian ihram serta diajar niat melakukan tawaf dan saie.

Program itu adalah hasil kerjasama antara pihak sekolah terbabit dengan Lembaga Tabung Haji, Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Guru Besar SK Islah, Md Tahir Hassan, berkata program itu adalah pertama kali diadakan selepas tiga tahun KSSR diadakan di sekolah berkenaan.

Katanya, walaupun program

itu julung kali diadakan, ia berjaya menarik minat ramai murid untuk menyertainya dan turut mendapat sokongan penuh daripada ibu bapa.

### Beri pendedahan

“Kami hanya memiliki 40 daripada 1,407 murid sekolah ini, dengan tujuan utama memberi pendedahan cara melaksanakan ibadah haji di peringkat murid sekolah rendah.

“Mereka mendapat pendedahan seperti melakukan haji sebenarnya termasuk mengelilingi replika Kaabah yang diletakkan di tengah padang sekolah dengan berpakaian ihram.

“Melihat kepada sambutan menggalakkan daripada murid dan ibu bapa, kita akan cuba menjadikan program ini sebagai

program tahunan di sekolah ini. Ia turut memberi impak besar terhadap pengetahuan murid mengenai ibadah haji,” katanya ketika ditemui selepas program berkenaan di SK Islah, di sini.

Selain memberi pendedahan cara mengerjakan ibadah haji, program itu juga turut diisi dengan mengajar murid secara praktikal menguruskan jenazah dan slot ceramah ibadah haji kepada ibu bapa dan guru.

Murid, Mujaddid Wan Noh, 12, berkata pengalaman menyertai program melakukan simulasi mengerjakan ibadah haji itu amat bermakna selain seronok kerana berpeluang memakai pakaian ihram dan melakukan tawaf di hadapan replika Kaabah.